

# 85 penuntut diploma Insaniah berjaya lanjutkan pengajian di Azhar

ALOR STAR 25 Okt. — Seramai 85 penuntut diploma Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah) berjaya melanjutkan pengajian di Universiti Al Azhar, Mesir.

Penolong Pendaftar Insaniah, Muhammad Azki Hafizi Ibrahim berkata, para penuntut terbabit akan menyambung pengajian tahun akhir selama setahun di universiti itu.

Menurut beliau, seramai 37 orang akan mengikuti pengajian dalam bidang Usuluddin, Syariah (33) dan bahasa Arab (15).

“Mereka telah berlepas ke Mesir dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini malam kelmarin untuk meneruskan pengajian peringkat diploma.

“Ia juga merupakan penambahan kepada 15 orang berbanding tahun lalu dan pertambahan ini merupakan komitmen tinggi para penuntut,” jelasnya dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini, hari ini.